**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : *http://jpnperak.moe.gov.my*

**"PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK"**

Ruj.Kami : JPNPk.SPM.KOKU600-3/5/11.Jld.10 ( 8 )
Tarikh : 25 Julai 2024

Pengarah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Tuan,

**KEBENARAN PROGRAM NATIONAL INVENTION & INNOVATION COMPETITION, EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2014 (NICERS'24) & RUMBLE DRONE SOCCER COMPETITION 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Surat daripada pihak tuan PTSB/PENT/PA110 JLD 18(58) bertarikh 15 Julai 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah menjalankan program tersebut. Namun begitu, ia haruslah mematuhi garis panduan berikut:

2.1. Persetujuan / kebenaran mestilah diperolehi daripada Pengetua dan Guru Besar sekolah yang berkenaan.

2.2. Tiada unsur paksaan terhadap pegawai / guru untuk menyertai program tersebut dan mestilah secara sukarela.

2.3. Pelibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa / penjaga dan mesti diiringi oleh guru sepanjang program berlangsung. (jika berkaitan)

2.4. Sila patuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/ 2011 Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia** serta dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam **SPI 24/ 1998 (Penglibatan Guru Dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan).**

2.5. Guru tersebut perlu mematuhi **SPI Bil. 8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan SPI Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah)** berhubung penggunaan masa dan peruntukkan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

2.6. Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang terlibat.

2.7. Pihak Urus Setia dikehendaki memastikan keselamatan guru di beri keutamaan.

2.8. Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan atau kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

3. Surat kebenaran ini adalah hanya untuk memberi kebenaran pelepasan pegawai / guru. Ia adalah tertakluk kepada perincian di atas dan akan luput sekiranya terdapat perubahan maklumat seperti yang ditetapkan. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada JPN Perak. Butiran program adalah seperti berikut:

**Tarikh** : 20-22 Ogos 2024
**Tempat** : Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di jabatan ini **Mohd E'fa bin Khadri (Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid Kokurikulum)** di talian **018-5778433** atau **emel** efa.khadri@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZULKAFLI BIN MOHAMED MOKHTAR, P.M.P.)**
Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

"PERAK SEJAHTERA 2030"

**LAMPIRAN A**

**LAPORAN**

**__________________(NAMA AKTIVITI)________________**

**1.0 Nama Program/Aktiviti**
**2.0 Tarikh Pelaksanaan**
**3.0 Mod Pelaksanaan**
**4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)**

| BIL | SEKOLAH | DAERAH / NEGERI / NEGARA | JANTINA | | BANGSA | | | | JUMLAH | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | L | P | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | MURID | GURU |
| 1 | | | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | | | | |
| 6 | | | | | | | | | | |
| 7 | | | | | | | | | | |
| 8 | | | | | | | | | | |
| 9 | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| JUMLAH | | | | | | | | | | |

**5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti**
**6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan** *(***Jika berkaitan)*
**7.0 Tetamu Kehormat (VIP)** *(***Jika berkaitan)*
**8.0 Pemenang** *(***Jika berkaitan)*
**9.0 Isu dan cabaran**
**10.0 Cadangan penambahbaikan**
**11.0 Gambar**

Disediakan Oleh:

Tarikh: